



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

16 MEI 2022 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

16 MEI 2022 (ISNIN)

HARGA MINYAK MASAK NAIK

Pengguna makin terbebani!

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
 rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Isu kenaikan harga minyak masak botol sejak kebelakangan ini mencetuskan kebimbangan dalam kalangan pengguna, terutama peniaga makanan.

Lebih membimbangkan apabila bekalan minyak masak bersubsidi dalam paket satu kilogram (kg) juga dikatakan berkurangan di pasaran.

Tinjauan Harian Metro di beberapa pasar raya sekitar Bangsar dan Bandar Tun Razak di sini, mendapati harga minyak masak dalam botol naik mendadak dengan kenaikan sekitar RM41 sehingga RM46 bagi setiap botol lima kilogram (kg).

Rata-rata peniaga yang ditemui mengakui berlaku kenaikan harga minyak masak botol sehingga sekitar RM10, namun ia hanya membabitkan minyak masak campuran bagi beberapa jenama.

Pengurus Operasi Pasara Raya Borong Big Nor Masziun Md Nasir berkata, minyak masak campuran dalam botol lebih tinggi harganya berbanding minyak masak tulen yang masih dijual pada harga lama.

"Harga yang masih kekal

sebagai contoh minyak masak botol 5kg jenama Saji dan Buruh dijual RM29.70 manakala Seri Murni RM30.85.

"Ia berbeza minyak masak campuran seperti Red Eagle, Knife, Adela dan Neptune yang dijual pada harga sekitar RM39 sehingga RM41," katanya ketika ditemui Metro Ahad.

Beliau berkata, pelanggan kini memilih untuk mendapatkan minyak paket berbanding botol berikutan harganya yang lebih murah.

Namun, pihaknya terpaksa mengehendak pembelian kepada dua paket setiap pelanggan bagi memastikan bekalan mencukupi selain mengelak terdapat peniaga yang mengambil kesempatan memborong minyak masak paket untuk kegunaan perniagaan serta dijual semula pada harga lebih tinggi.

Dalam pada itu, ditanya mengenai kemungkinan berlaku lagi kenaikan harga minyak masak, Nor Masziun berkata, setakat ini, tiada maklumat daripada pihak pembekal mengenai perkara itu.

Bagi pengguna, Mohd Shahril Azhar, 45, berkata, kenaikan harga minyak masak sebelum ini sudah memberi kesan kepada orang ramai terutama peniaga seperti ini.



TINJAUAN orang awam membeli minyak masak yang selepas sambutan hari raya Aidilfitri.

"Dengan keadaan sekarang banyak bahan mentah naik harga, sudah tentulah kenaikan harga minyak masak akan menambah beban terutama mereka yang terkesan.

"Saya tidak boleh menaikkan harga makanan yang dijual sesuka hati kerana memahami kehendak pembeli walaupun kos bahan mentah meningkat. Apa yang penting saya dapat

tampung kos dan mendapat sedikit keuntungan sudah memadai," katanya.

Bagi Fatin Syazwanie Suhaimi, 18, kenaikan mendadak itu sememangnya memberikan kesan yang cukup besar buat golongan berpendapatan rendah atau B40.

"Bagi keluarga besar macam saya ini, ibu bapa saya selalunya membeli bahan mentah sekali seminggu

dan nak beli minyak paket sekilogram tidak berbaloi ditambah pula pembelian hanya dihadkan beberapa paket saja. Jadi, kenaikan harga akan membebani apatah lagi jika keluarga berpendapatan rendah," katanya.

Yan Fazuin Abd Rahman, 30, yang bekerja sebagai jurujual sebuah kedai sejuk beku turut mengakui mendengar ramai mengeluh apabila harga minyak masak pelbagai jenama dalam botol naik.

"Ada peniaga kecil-kecilan yang datang ke kedai ber-

itahu kemungkinan terpaksa menghentikan perniagaan kerana tidak mampu menanggung kos bahan mentah yang tinggi, apatah lagi dengan kenaikan harga minyak masak ini," katanya.

Justeru, Yan berharap kerajaan dan pihak berkaitan dapat melakukan pemeriksaan lebih kerap bagi memastikan harga minyak masak tidak naik mendadak sehingga membebani rakyat.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi sebelum ini dilaporkan berkata, minyak masak yang mengalami kenaikan harga sehingga RM10 bagi botol 5kg tidak dikawal mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 kerana ia kategori minyak masak campuran.

Beliau dilaporkan berkata, minyak masak yang didakwa berlaku peningkatan harga membabitkan jenama Knife dan Red Eagle yang tidak berada dalam kategori kawalan perundangan AKHAP 2011.

Bagaimanapun, katanya, tidak boleh sesuka hati 'memainkan' harga minyak masak campuran di pasaran dan pihaknya mempunyai bidang kuasa untuk menyasiat mengikut AKHAP berdasarkan asas mencatat.

“Membebani apatah lagi jika keluarga berpendapatan rendah”
 Fatin Syazwanie

KPDNHEP pertimbang cadangan pamer notis di pintu sempadan

PADANG BESAR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mempertimbangkan cadangan pengusaha stesen minyak agar notis larangan pembelian petrol RON95 melibatkan kenderaan asing diletakkan di pintu masuk sempadan negara.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Azman Mohd Yusof berkata perkara itu merupakan satu cadangan yang baik dalam usaha mengelakkan kenderaan asing mengambil kesempatan mendapatkan petrol bersubsidi berkenaan yang dikhaskan untuk warganegara Malaysia.

"Notis awal yang dipamerkan ini dapat disediakan dalam bahasa Malaysia, Inggeris dan Thai supaya pengembara luar dapat melihat maklumat awal sebelum masuk ke negara.

"Kita akan cuba melihat dari sudut keberkesanan pelaksanaan itu terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat," katanya selepas membuat lawatan kerja ke Kompleks Imigresen, Kastam dan

Kuarantin (ICQ) di sini pada Ahad.

Hadir sama dalam lawatan kerja berkenaan adalah Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDNHEP, Shamsul Nizam Khalil dan Pengarah KPDNHEP Perlis, Norazah Jaapar.

Selain itu, Azman berkata bagi tempoh bermula 1 Januari sehingga April tahun ini, se-

banyak 94 kes penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi di pintu sempadan negara telah direkodkan oleh KPDNHEP dengan melibatkan nilai rampasan berjumlah RM7.88 juta.

"KPDNHEP memandang serius isu ketirisan barangan kawalan dan bersubsidi terutamanya yang berlaku di pintu-pintu sempadan negara memandangkan ia memberi impak kerugian besar kepada negara," katanya.

Azman berkata, bagi keselamatan



AZMAN

anggota KPDNHEP, pihaknya berpandangan terdapat keperluan buat anggota penguat kuasa agensi berkenaan dilengkapi dengan fasiliti kawalan sempadan sewaktu menjalankan tugas.

Menurutnya lagi, terdapat juga perancangan bagi membekalkan senjata api kepada anggota penguat kuasa KPDNHEP tertentu

selaras dengan lokasi mereka bertugas.

"Buat masa ini perlu ada kajian terlebih dahulu bagi melihat berapa banyak keperluan senjata api diperlukan dengan mengambil kira prosedur operasi standard (SOP), lesen, peruntukan dan lain-lain lagi.

"Kita juga berhasrat untuk minta peruntukan bagi penyediaan kenderaan bermotor untuk memudahkan anggota menjalankan tugas namun perkara ini perlu dikaji terlebih dahulu," katanya. - *Bernama*

**PETROL
BERSUBSIDI**

| Senarai Harga Barang Keperluan | | | | | | | |
|--------------------------------|---------|----------------|---------|------------------------|--------|------------------------|--------|
| • Ayam | RM6.99 | • Telur Gred A | RM12.45 | • Gula Pasir | RM2.85 | • Cili Merah | RM8.99 |
| • Daging Lembu Tempatan | RM38.99 | • Ikan Kembung | RM15 | • Bawang Besar Holland | RM2.49 | • Kubis Bulat Tempatan | RM4.50 |
| • Daging Lembu Import | RM28 | • Minyak Masak | RM6.35 | • Bawang Putih | RM4.99 | • Tepung Gandum | RM2.30 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP